

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN :

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) kriteria untuk Peguam Negara mendakwa kes-kes jenayah; dan
- (b) sebab-sebab bagi pihak pendakwa menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh dalam kes-kes profil tinggi atau membenarkan tertuduh dilepaskan sejak 1 Mac 2020.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

(A) Kriteria Untuk Peguam Negara Mendakwa Kes-Kes Jenayah

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila kertas siasatan dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat kepada Pendakwa Raya, Pendakwa Raya perlu meneliti sama ada bukti dan keterangan yang dikumpulkan dalam kertas siasatan itu mencukupi untuk memenuhi elemen kesalahan dan mengemukakan pertuduhan terhadap suspek di mahkamah.

Justeru, tidak ada kriteria tertentu atau mutlak yang mesti dipenuhi kerana ia sememangnya bergantung kepada latar belakang dan keterangan yang wujud bagi sesuatu kes, atas dasar *case-to-case basis*.

(B) Sebab-Sebab Bagi Pihak Pendakwa Menarik Balik Pertuduhan Terhadap Tertuduh Dalam Kes-Kes Profil Tinggi Atau Membenarkan Tertuduh Dilepaskan Sejak 1 Mac 2020

Apabila membuat keputusan untuk menarik balik pertuduhan, penilaian dibuat atas dasar *case-to-case basis*. Kebiasaannya, pihak pendakwaan mempertimbangkan sama ada terdapat representasi yang dikemukakan oleh tertuduh atau tidak dan sama ada representasi itu mempunyai merit untuk dipertimbangkan.

Selain itu, pendakwaan turut menilai semula semua keterangan yang telah dan akan dikemukakan ke mahkamah sama ada ia mencukupi atau tidak dalam memenuhi elemen kesalahan yang dipertuduhkan. Penilaian keterangan dan apa-apa fakta baharu yang kredibel atau timbulnya fakta baharu semasa perbicaraan akan diteliti sebelum perbicaraan bermula dan semasa perbicaraan dijalankan.

NO. SOALAN : 32

Semasa mengendalikan perbicaraan di mahkamah, pihak pendakwaan turut berhadapan dengan masalah saksi yang antara lain tidak hadir ke mahkamah, meninggal dunia atau hilang yang sekali gus akan mengganggu rantaian keterangan kes pendakwaan.

Terdapat juga keadaan yang melibatkan pengadu melarikan diri, atau saksi memberikan keterangan yang tidak sama dengan keterangan yang pernah direkodkan sebelum ini semasa proses siasatan dijalankan.

Pihak pendakwaan tidak dengan sewenang-wenangnya menarik balik pertuduhan jika tiada asas yang munasabah untuk berbuat demikian.

Sekian, terima kasih.